

Pembentangan Bajet 2023 masih ikut kalendar Parlimen 28 Oktober

Oleh Safeek Affendy Razali - Ogos 7, 2022 @ 11:05am
safeek@bh.com.my



Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz menghadiri acara Riadah Ride & Run, Veteran ATM 100 tahun di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. - Foto NSTP/Fathil Asri

KUALA LUMPUR: Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz hari ini menafikan desas-desus bahawa Bajet 2023 akan dipercepatkan daripada jadual asal.

Menyifatkan dakwaan itu tiada berasas sama sekali, beliau berkata, setakat ini tiada perubahan berkenaan tarikh pembentangan Bajet 2023 seperti mengikut kalendar Parlimen iaitu pada 28 Oktober.

"Dakwaan menyatakan Bajet 2023 akan dibawa ke hadapan hanya khabar angin semata-mata dan mengikut pengetahuan saya ia masih sama dengan kalender Parlimen.

"Setakat ini, dalam kalender tarikh pembentangan Bajet 2023 masih 28 Oktober," katanya selepas berucap pada Acara Riadah Ride & Run, Veteran ATM 100 Tahun, di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, di sini.

Yang turut hadir, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Presiden Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia, Datuk Sharuddin Omar.

Sebelum ini beberapa pemerhati dan parti politik termasuk UMNO, menjangkakan Bajet 2023 akan dibentang lebih awal.

Ia termasuk Majlis Kerja Tertinggi UMNO yang dilaporkan akan berbincang mengenai kemungkinan pembentangan Bajet 2023 diawalkan ke September; untuk memberi laluan kepada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).